

MTC sedia dana RM28.3 juta

Dana pembangunan supaya industri kayu-kayuan lebih berdaya saing

Oleh MUHAMMAD YUSAINY
MOHAMAD YUNUS

KUALA LUMPUR

Majlis Kayu-Kayuan Malaysia (MTC) memperuntukkan sebanyak RM28.3 juta bagi dana pembangunan supaya industri itu lebih berdaya saing.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali berkata, MTC sebagai subsektor ketiga terbesar selepas sawit dan getah

mencatatkan nilai sebanyak RM3.78 bilion bagi prestasi eksport kayu-kayuan sehingga Februari 2021.

Menurutnya, ia adalah penurunan sebanyak 3.3 peratus berbanding tempoh sama pada tahun 2020 susulan kesan pandemik Covid-19.

“Cabaran paling besar bagi sektor ini dari segi pengurusan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sentiasa berubah-ubah.

“Baru-baru ini kita dikejutkan dengan kes perebakan di kawasan kilang perabot. Ketika itu kementerian sedang mendapatkan pengecualian untuk menggaji pekerja warga asing tetapi kita diuji dengan situasi itu di beberapa kilang,” katanya ketika sesi ramah mesra, dialog dan Majlis Iftar Ramadan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi bersama industri kayu-kayuan pada Isnin.



Sesi bergambar ketika MTC Roadshow dan Dialog Session di Kuala Lumpur pada Isnin.

Mohd Khairuddin berkata, proses pengecualian bagi sektor komoditi mengenai pembejukan pekerja asing masih dalam proses.

“Kita baru sahaja dapat untuk sektor perladangan seramai 32,000 orang yang akan diumumkan secara rasmi nanti.

“Pada masa sama kita ber-

harap semua pemain industri menekankan kepentingan mengambil pekerja warga tempatan,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi MTC, Mazli Zakuan Mohd Noor berkata, MTC mengambil beberapa inisiatif baharu untuk membantu pemain industri bagi memastikan kelangsungan in-

dustri kayu-kayuan.

“Antaranya, program Young Entrepreneur Society, Program Penempatan Jurutera dan Latihan Prasiswazah dalam Industri Kayu Kayan 2021, Program Inkubator Reka Bentuk 2.0, Program Keusahawan Pemasaran Digital dan Program Bantuan Eksport (EAP),” katanya.

902 kes keganasan rumah tangga

KUALA LUMPUR - Dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini sahaja, sebanyak 902 kes keganasan rumah tangga dilaporkan dengan kebanyakannya berpunca daripada masalah tekanan ekonomi akibat punca pendapatan terjejas.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Mohd Harun berkata, berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 5,260 kertas siasatan telah dibuka membabitkan kes keganasan rumah tangga bagi tempoh Januari hingga Disember tahun lalu.

Menurutnya, dalam tempoh sama, statistik Talian Kasih kementerian itu menerima sebanyak 2,540 panggilan berkaitan kes keganasan rumah tangga.

“Mungkin ada ramai yang terjejas pendapatan atau hilang kerja. Apabila mereka tinggal di rumah, bila nak keluar ada had pergerakan dan sebagainya, maka ramai antara mereka luahkan tekanan perasaan (keganasan) itu kepada keluarga,” katanya selepas menghadiri majlis pelancaran Masjid Sebagai Pusat Transit Keganasan Rumah Tangga di Masjid Wilayah Persekutuan di sini pada Selasa.

Rina berkata, statistik itu ternyata



RINA

menunjukkan isu keganasan rumah tangga memerlukan intervensi dan kerjasama pelbagai pihak, dengan itu pihaknya antara lain bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) bagi menjadikan masjid sebagai pusat transit keganasan rumah tangga.

Beliau berkata, dua masjid dipilih sebagai perintis program iaitu Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Masjid Al Ghufuran Pinggiran Taman Tun Dr Ismail di sini dengan golongan wanita tanpa mengira bangsa dan agama yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga boleh mendapatkan perlindungan di masjid berkenaan.

Masjid tersebut menyediakan kemudahan bilik asrama sedia ada di masjid, keperluan asas diri dan makan minum sepanjang keberadaan mereka di situ.

“Dalam menyantuni mangsa keganasan rumah tangga di pusat transit ini kelak, setiap mangsa akan dibekalkan dengan kit persalinan mengandungi baju dan seluar, selimut, tuala mandi, peralatan mandi dan keperluan asas wanita,” katanya.

- Bernama



Pilihan Utama Untuk Kehidupan Yang Selesa



-  Keluasan tanah : Rumah Teres : 22' x 70' / Kedal Pejabat : 22' x 80'
-  Keluasan binaan : Rumah Teres : 2,161 kp / Kedal Pejabat : 3,518 kp
-  Rumah Teres : 4 bilik tidur, 4 bilik mandi dan 2 ruang tamu.
-  Rumah Teres : Kelengkapan dan kemasan yang berkualiti.
-  Terletak di sekitar Jalan Raja Nong, Klang yang berhampiran dengan Pusat Bandar Klang.
-  Mudah disampai ke Lebuhraya Persekutuan, Lebuhraya KESAS dan Lebuhraya Shah Alam.





OCS GROUP BERHAD
No. 22, Jalan LRT 1/1, Bandar Tasik Selatan,
Kuala Lumpur 57000, Malaysia
Tel: 03-8024 2233 | Fax: 03-8024 2234
Laman Web: www.o CSGroup.com.my

03-8024 2233

Pembayar :
PUBLIC BANK CIMB BANK AMBANK